

**PERATURAN-PERATURAN
PERTANDINGAN PIDATO YAYASAN SELANGOR KALI KE-11 TAHUN 2019**

1. AM

- 1.1 Peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Pidato Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeri Yayasan Selangor Kali Ke-11 Tahun 2019.
- 1.2 Tafsiran peraturan ini ialah hak mutlak Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan. Keputusan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.
- 1.3 Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.

2. STRUKTUR PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan Pidato akan dijalankan menerusi dua kategori iaitu:
 - a. Bahasa Melayu; dan
 - b. Bahasa Inggeris.

3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1 Sebaik sahaja pendaftaran, pihak penganjuran akan memaklumkan proses cabutan undi untuk giliran setiap peserta.
- 3.2 Pertandingan akan dimulakan dengan sesi pusingan awal yang memperuntukkan setiap pemedato berucap selama 5 minit seorang.
- 3.3 Lima (5) orang pemedato yang mempunyai markah tertinggi akan layak untuk bertanding di peringkat akhir.
- 3.4 Peringkat akhir pula, setiap pemedato diperuntukkan selama 7 minit untuk ucapan pidato dan akan ada sesi soal jawab dengan panel hakim bagi pidato spontan.
- 3.5 Ketika sesi pidato spontan, sebaik sahaja panel hakim bertanya soalan, hanya 30 saat waktu persediaan tanpa menulis sebarang teks lalu pemedato akan menjawabnya selama 2 minit.
- 3.6 Loceng akan dibunyikan sekali pada minit terakhir dan dua kali pada akhir masa ditetapkan dalam mana-mana sesi penyampaian pidato.

4. PEMARKAHAN

- 4.1 Markah penuh bagi pidato teks pusingan awal ialah 100 markah. Markah penuh bagi pusingan akhir (pidato teks dan pidato spontan) ialah 150 markah. Kaedah pemarkah berdasarkan kriteria berikut:
- a. Isi 40 Markah;
 - b. Bahasa 35 Markah;
 - c. Gaya 20 Markah;
 - d. Etika 5 Markah; dan
 - e. Pidato Spontan 50 Markah (pusingan akhir sahaja).
- 4.2 Isi dalam sesebuah pidato dinilai berdasarkan kesesuaian hujah/isu/isi yang disokong dengan contoh serta fakta yang padat, sah, dan terkini.
- 4.3 Tiada jumlah isi ditetapkan untuk pidato teks dan ia bergantung kepada kesesuaian pemedato dalam menyampaikannya.
- 4.4 Penilaian bahasa mengambil kira penggunaan tatabahasa yang betul serta laras bahasa yang baik dan pelbagai.
- 4.5 Gaya pemedato hendaklah bersahaja dan spontan merangkumi nada suara yang sesuai, membujuk dan berkeyakinan.
- 4.6 Penilaian etika merangkumi adab pemedato dalam menyampaikan pidatonya. Bagi pemedato yang menggunakan teks ulangan (plagiarisme), markah akan dipotong dalam kriteria ini.
- 4.7 Pemarkahan pidato spontan mengambil kira secara keseluruhan pidato yang disampaikan. Tahap spontan, isi yang bernas serta mutu gaya yang baik diambil kira sebagai penilaian bagi pidato sesi ini.

5. RAYUAN

- 5.1 Semua bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan secepat mungkin selepas selesai sesi pidato.
- 5.2 Jika Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mendapati berlaku sebarang kesilapan atau kecacatan dalam pengendalian sesuatu pidato, usaha akan dibuat agar tidak ada mana- mana pihak yang terjejas.
- 5.3 Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan melainkan ada kekhilafan dari panel hakim, keputusan tidak boleh diubah namun tindakan sewajarnya yang akan diambil pada individu hakim tersebut.